

# Saya akan terus bela Perdana Menteri Najib

BERA 11 Ogos - Datuk Seri Najib Tun Razak berkata, beliau akan terus membela Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dan berjanji memberikan sokongan padu serta tidak berbelah bahagi kepadanya.

Sambil menyifatkan apa yang berlaku dalam UMNO kini sebagai ribut yang sedikit, Timbalan Perdana Menteri berkata, kesetiannya kepada Abdullah pada hari ini adalah sama seperti hari pertama beliau dilantik ke jawatan itu dan perkara itu tidak akan berubah sama sekali.

Jelasnya, dalam konteks politik UMNO semasa, kesetiaan beliau adalah tetap dan beliau akan memberikan kerjasama sebaik mungkin kepada Abdullah.

"Saya sebagai timbalan mengakui semasa mula dilantik (Timbalan Perdana Menteri) berjanji sanggup beri kerjasama sebaik mungkin.

"Sedikit ribut dalam konteks politik sekarang takkanlah saya nak tinggalkan Perdana Menteri, saya (akan terus) bela Perdana Menteri," katanya di sini hari ini.

Najib menyatakan pendirian beliau itu

ketika berucap merasmikan Mesyuarat Perwakilan UMNO Bahagian Bera di sini hari ini.

Hadir sama pada majlis itu Timbalan Pengerusi Badan Perhubungan UMNO Pahang, Datuk Dr. Jamaluddin Jarjis.

Sementara itu, Jamaluddin yang juga Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi semasa berucap mendedahkan bahawa Abdullah pernah menyatakan kepadanya bahawa beliau amat terhutang budi dan gembira kerana memiliki seorang timbalan yang amat peka dan setia.

"Semasa Pak Lah mula-mula dikritik secara terbuka dan ia tersiar dalam akhbar, Datuk Seri Najib yang ketika itu berada di India atas tugas rasmi telah memanggil media dan membuat kenyataan akhbar menyatakan sokongan beliau kepada Perdana Menteri," katanya.

Kepimpinan Abdullah menerima tekanan dan kritikan keras daripada bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad kebelakangan ini sehingga memaksa beliau tampil di televisyen bagi menjelaskan perkara sebenar.